

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28/3/2012

4

NASIONAL

Rabu
28 Mac 2012

BERITA HARIAN

PERMATA Pintar halang hijrah

Program mampu optimum bakat cerdas pandai untuk bangun negara

Oleh Nazura Ngah
nazura@bharian.com.my

BANGI: Datuk Seri Najib Razak menyifatkan program PERMATA Pintar yang dimulakan sejak 2009 sebagai penyelesaian terbaik untuk menyekat penghijrahan keluar golongan cerdas pandai, sekali gus berupaya mengoptimumkan potensi golongan itu untuk pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, program kendalian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berupaya mengatasi masalah berkenaan ekoran ketiadaan kurikulum khusus dalam sistem pendidikan untuk pelajar pintar sehingga menyebabkan mereka perlu dihantar mengikuti pengajian di luar negara.

Keadaan itu, katanya menyebabkan negara kehilangan bakat atau golongan cerdas pandai yang boleh memberi sumbangan besar pada pembangunan negara.

Katanya, konsep PERMATA Pintar seharusnya bermula lebih awal seperti dilaksanakan negara maju dan sedang membangun.

"Saya tertarik dengan konsep PERMATA Pintar kerana dalam kurikulum kebangsaan, kita hanya mengambil kira pelajar sederhana pintar... kita tidak ada kurikulum bagi mereka yang memiliki kecerdasan intelektual luar biasa.

"Jika kita tidak dapat menyediakan sistem pendidikan yang mengambil kira kelompok ini, maka potensi pelajar pintar tidak dapat dioptimumkan untuk membangunkan negara," katanya ketika merasmikan Kompleks PERMATA Pintar Negara di kampus UKM, di sini, semalam.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor merangkap penaung program PERMATA Pintar; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Naib Canselor UKM, Prof



NAJIB melihat buku pelajar PERMATA sambil diperhatikan Rosmah dan Sharifah Hapsah (kanan) selepas merasmikan Kompleks PERMATA Pintar Negara di UKM, Bangi, semalam.

Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dan Naib Presiden Yayasan Al-Bukhary, Datuk Seri Ismail Yusof.



Saya berharap program ini dapat terus berkembang dan menjadi mercu kebanggaan kita. Anak pintar ini akan menjadi generasi yang ada kemampuan berfikir luar biasa dan dapat mencorakkan masa depan lebih hebat

Najib Razak
Perdana Menteri

Perdana Menteri turut menyampaikan dermasiswa sebanyak RM1,200 setahun kepada 12 pelajar program PERMATA Pintar. Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara UKM dan Yayasan Al-Bukhary bagi pembinaan auditorium dan kompleks sukan.

Kompleks PERMATA Pintar Negara dibina di kawasan seluas 9.2 hektar dalam kampus UKM berupaya menampung 400 pelajar berusia 16 dan 17 tahun. Pembinaan kompleks membabitkan dua fasa dan fasa pertama bermula secara rasmi pada Disember 2009.

Fasa kedua pula sedang berjalan dan dijangka akan berakhir tahun depan. Pengambilan pertama membabitkan 116 pelajar yang dibuat Januari tahun lalu dan ketika ini

jumlah pelajar mencecah 238 orang.

"Saya berharap program ini dapat terus berkembang dan menjadi mercu kebanggaan kita. Anak pintar ini akan menjadi generasi yang ada kemampuan berfikir luar biasa dan dapat mencorakkan masa depan dengan lebih hebat," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelajar PERMATA Pintar berjaya mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa dengan memenangi pelbagai pertandingan.

Katanya, enam pelajar ditawarkan mengikuti pengajian di universiti terkemuka termasuk Universiti California, Universiti Michigan, Universiti Massachusetts dan Universiti Purdue selepas melepasi ujian *Standardised Admissions Test*.